

Pak Lah luang masa lawat Fidel Castro

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara pemimpin yang berkesempatan melawat Presiden Fidel Castro yang masih berehat, ketika Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 15 (G-15) di sini selama seminggu yang berakhir kelmarin.

Beliau mengunjungi Castro, 80, pemimpin revolusi Cuba yang menjalani pembedahan pada Julai lalu dan melantik adiknya, Raul Castro sebagai pemangku presiden, selama setengah jam semalam dan berbual mengenai beberapa perkara, termasuk NAM.

Selain Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan yang bertemu Castro pada Jumaat lalu, turut berbuat demikian ialah rakan rapatnya dari Amerika Latin, iaitu Presiden Venezuela, Hugo Chavez yang sudah empat kali melawat Castro sejak pembedahannya.

Ketika ditanya kesihatan Castro, Abdullah berkata: "Keupayaan mentalnya kuat, seolah-olah tidak sakit langsung. Jelas-kesihatannya pulih dengan pantas. Kemampuan beliau bercakap dan bertukar-tukar pandangan makin baik.

"Kecergasan Castro terserlah ketika menyampaikan pandangan, termasuk hubungan dua hala," katanya pada sidang media bersama wakil media Malaysia di Pusat Media Antarabangsa di sini.

Beliau berkata, Castro menyampaikan penghargaan dan memuji Malaysia ketika mengetuai NAM dan berharap pergerakan itu akan terus cergas selepas diambil alih oleh Cuba sejak Jumaat lalu.

Abdullah berkata Castro memaklumkan kepadanya pembangunan modal insan yang diberikan perhatian oleh pentadbirannya berjaya membawa Cuba mencapai kemajuan termasuk dari segi ekonomi walaupun menghadapi pelbagai masalah dan tekanan, termasuk Amerika Syarikat.

"Inilah (modal insan) kekuatan yang ada pada rakyat Cuba yang membawa kejayaan kepadanya sekarang. Matlamat beliau jelas iaitu meningkatkan lagi mutu modal insan," katanya sambil memberi contoh, 100 peratus doktor di Cuba daripada rakyat tempatan.

Sungguhpun castro tidak menyertai sidang kemuncak NAM kali ini, beliau tetap 'mengetuai' delegasi negaranya membuat persiapan dan mengikuti secara dekat persiapan dan perjalanan sidang itu. Bagi pertemuan G-15 yang turut diadakan di sini, Raul hadir dan berucap pada pertemuan, 18 negara itu sungguhpun Cuba tidak menganggotainya.